

Mid-Autumn Festival UMSKAL sumbang RM9,150 kepada 11 pelajar

NST 24-10-2019 7

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah mengadakan Program Mid-Autumn Festival di Dewan SJK © Chi Wen pada Sabtu lalu.

Program bertemakan 'Bulan dan Sambungan' yang antara lain bermakna pertemuan adalah perjumpaan dan perhimpunan itu adalah nasib dan kesepakatan bersama adalah kesinambungan daripada pertemuan.

Penyelaras program Mid-Autumn Festival, Dr. Ricky Chia Chee Jun berkata, program kali ini diadakan berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya dengan menampilkan sesuatu yang baharu dan lebih istimewa iaitu dengan penganjuran majlis makan amal.

Dr. Ricky yakin program itu bukan sahaja dapat melakukan aktiviti yang lebih baik untuk dijadikan amalan bersama, tetapi juga dapat menyumbang kepada masyarakat Tionghua dan juga masyarakat setempat.

"Bukan itu sahaja, kami juga berharap dapat menyumbang tenaga positif kepada semua lapisan masyarakat," katanya.

Beliau berkata, sempena program itu juga pihaknya telah menyumbangkan sebanyak RM9,150 kepada 11 pelajar masing-masing dari Tadika Chi Hwa, Tadika Chung Hwa dan SKJC Chung Hwa serta kepada Rumah Kebajikan Lion Mandarin Kelab 'House-Of Love' di Kampung Layang-Layangan.

Dr. Ricky turut mengucapkan terima kasih kepada penaja dan peyumbang khususnya kepada ICBC Bank, Sonique Sendirian Berhad, Reguistea Labuan, Perkhidmatan NLV dan penaja lain atas sokongan terhadap Program Mid-Autumn Festival tahun ini. **OLEH JAINUDIN DJIMIN**



**PENERIMA....Pró Madya.
Dr. Zaiton (enam kiri),
Wong Kii Yii (lima kiri) Dr
Ricky Chia (empat kiri)
bersama penerima
sumbangan Mid-Autumn
Festival UMSKAL.**